

# **Peranan Negara dalam Liberalisasi Ekonomi Vietnam: Analisis Terhadap Dasar Doi Moi 1986**

## ***The Role of the State in the Economic Liberalisation of Vietnam: An Analysis of the Doi Moi Policy 1986***

**Muhamad Helmy Sabtu<sup>1</sup>, Khairul Azman Mohamad Suhaimy<sup>2\*</sup>, Nurul Aimi Razali<sup>3</sup>**

<sup>1,2,3</sup> Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, 86400, MALAYSIA

\*Correspondence: khairula@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2020.01.01.002>

Received 19 October 2020; Accepted 28 October 2020; Available online 02 Month 2020

**Abstract:** Artikel ini menganalisis peranan yang dimainkan oleh aktor negara terhadap dasar liberalisasi ekonomi di Vietnam. Doi Moi yang dilancarkan pada tahun 1986 merupakan dasar yang begitu berpengaruh dan berkesan dalam merubah lanskap sosioekonomi masyarakat di negara berkenaan. Hasil kajian ini membuktikan bahawa terdapat kesan positif terhadap peningkatan kemasukan pelaburan asing, pembasmian kebuluran dan kemiskinan tegar, peningkatan tahap Pendidikan, keseimbangan gender dan hak wanita serta kelestarian alam sekitar selepas Doi Moi dilaksanakan. Menerusi Doi Moi, Vietnam beralih ke sebuah negara membangun dengan prestasi ekonomi yang cukup memberangsangkan baik di peringkat rantau Asia Tenggara mahupun global.

Kata Kunci: Doi Moi, Vietnam, Perang Vietnam, Liberalisasi Ekonomi

**Abstract:** This article analyses the role of state in the policy of economic liberalisation in Vietnam. Doi Moi, which was launched in 1986, is a very influential and effective policy in changing the socio-economic landscape of the people in the country. The results of this study prove that there are positive effects on the increase of foreign investment inflows, the eradication of starvation and unruly poverty, the increase of level of education, the improvement of gender equality and women's rights as well as the sustainability of the environment after Doi Moi is implemented. Through Doi Moi, Vietnam is moving towards a developing country status with good economic performance both at the Southeast Asian and global.

**Keywords:** Doi Moi Policy, Vietnam, Vietnam war, Economic Liberalisation

## 1. Pengenalan

Dasar Doi Moi yang mula dilaksanakan pada 1986 dianggap sebagai suatu langkah reformasi ekonomi dan politik oleh rejim Komunis yang memerintah Vietnam. Pengenalan dasar ini juga dilihat sebagai suatu permulaan oleh Vietnam dalam proses integrasi bersama dunia global. Sejak dilaksanakan, dasar ini telah banyak membawa perubahan terhadap Vietnam terutama dari aspek ekonomi dan juga sosial. Maka, bahagian pertama penulisan ini akan menelurusi latar belakang Vietnam dari aspek politik, ekonomi, dan sosial menurut kerangka sejarah. Bahagian kedua pula akan menghuraikan liberalisasi terhadap sosioekonomi Vietnam menerusi dasar Doi Moi dengan lebih terperinci. Manakala, bahagian ketiga akan meninjau impak liberalisasi terhadap sosioekonomi Vietnam.

## 2. Latar Belakang Sejarah Vietnam

Vietnam atau Republik Sosialis Vietnam merupakan sebuah negara yang menjadi perhatian dunia sepanjang pensejarahan moden. Pada pertengahan abad ke-20, Vietnam merupakan antara negara yang menjadi mangsa kepada persaingan ideologi dunia ketika era Perang Dingin. Perang Vietnam yang berlaku antara tahun 1957 hingga 1975 menyaksikan negara berkenaan menjadi medan perperangan yang berlaku antara Vietnam Utara dan juga Vietnam Selatan yang kedua-duanya mendapat bantuan dan sokongan ketenteraan dari negara blok Kapitalis iaitu Amerika Syarikat dan blok Komunis iaitu China. Selepas kemenangan Vietnam Utara yang menganut ideologi Sosialis ke atas wilayah selatan negara berkenaan pada tahun 1976, Vietnam sehingga kini kembali sebagai sebuah negara yang diperintah sepenuhnya oleh parti tunggal Komunis. Pembaharuan yang dilaksanakan pemerintah pada hujung abad ke-20 menjadikan Vietnam kekal sebagai negara pesaing di dunia globalisasi pada hari ini.

### 2.1 Vietnam Utara dan Selatan

Vietnam pada asalnya merupakan sebahagian daripada wilayah kedaulatan kerajaan Dinasti China sehingga tahun 939 Masihi. Negara ini kemudiannya dijajah oleh Perancis pada tahun 1884 menerusi Perjanjian Patenotre (Abu Talib, 1991). Penjajahan Perancis kemudiannya mendapat tentangan dari masyarakat tempatan apabila dasar-dasar Pembaratan yang diperkenalkan telah mengancam dan menghapuskan sistem pemerintahan tradisional di Vietnam (Marr, 1971). Menjelang tahun 1920-an, penentangan semakin ketara dengan tertubuhnya parti-parti politik seperti Persatuan Revolusi Pemuda Vietnam (1925), Parti Komunis Indochina (1931), dan termasuk juga parti pimpinan Ho Chi Minh iaitu Viet Minh yang ditubuhkan pada tahun 1941.

Sepanjang Perang Dunia Kedua, Vietnam telah diduduki oleh Jepun yang kemudiannya berundur pada Ogos 1945. Pengunduran Jepun dari negara itu telah mewujudkan kekosongan politik di Vietnam. Peluang ini kemudiannya digunakan oleh Ho Chi Minh untuk mengisyiharkan kemerdekaan Vietnam dengan menggunakan nama Republik Demokratik Vietnam pada 2 September 1945 yang kemudiannya dikenali sebagai Vietnam Utara (Chesneaux, 1966). Selepas pengisytiharan kemerdekaan Vietnam dan tamat Perang Dunia Kedua, dunia mula memasuki era Perang Dingin. Perang Proksi ini tercetus apabila wujudnya persaingan penyebaran ideologi antara Blok Komunis yang diketuai oleh Kesatuan Soviet dan Blok Kapitalis yang dipimpin oleh Amerika Syarikat. Asia Tenggara termasuk Vietnam tidak terlepas daripada menjadi sasaran dua kuasa besar ini (McCauley, 1995).

Perancis kemudiannya kembali menguasai Indochina pada tahun 1946. Perancis mengakui Republik Demokratik Vietnam sebagai sebuah negara bebas dan menganggap negara tersebut sebagai sebahagian dari Persekutuan Indochina dan Kesatuan Perancis (Higgins, 1974). Bagaimanapun, kedatangan Perancis ke Indochina mendapat tentangan hebat dari parti Viet Minh pimpinan Ho Chi Minh (Ruane, 1998). Pada tahun 1950, Vietnam Utara mendapat pengiktirafan diplomatik dari Republik Rakyat China dan Kesatuan Soviet. Pada masa yang sama Vietnam Selatan di bawah kerajaan Bao Dai pula mendapat pengiktirafan Amerika Syarikat, Britain, dan 33 buah negara lain sehingga tahun 1954 (Nalty, 1996). Pada masa yang sama, tentera Vietnam Utara pimpinan Jeneral Vo Gguyen Giap telah

berjaya menewaskan tentera Perancis sekaligus menamatkan pemerintahan Perancis di Vietnam dan berakhirnya Perang Indochina Pertama (Poole, 1972).

Susulan kekalahan Perancis di Vietnam, Konvensyen Geneva telah diadakan pada 8 Mei 1954 bagi membincangkan isu Indochina. Persidangan yang hanya berakhir pada 21 Julai 1954 akhirnya telah mencapai dua perjanjian utama iaitu perjanjian genjatan Senjata dan Pengisytiharan Terakhir Persidangan Geneva (Watt, 1968). Melalui perjanjian genjatan senjata, Vietnam secara rasminya terpisah kepada dua bahagian iaitu Vietnam Utara dan Vietnam Selatan. Zon Bebas Tentera dikuatkuasakan seluas 5 kilometer. Dalam tempoh 300 hari juga, kedua-dua tentera Perancis dan Vietnam perlu berundur ke kawasan masing-masing manakala rakyat pula bebas untuk bergerak di kedua-dua kawasan sepanjang tempoh tersebut.

Pengisytiharan Terakhir Geneva pula menyatakan bahawa satu pilihan raya umum perlu diadakan pada bulan Julai 1956 di bawah pengurusan Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa untuk menyatukan kembali Vietnam. Perancis pula perlu mengundurkan sepenuhnya tentera mereka dari wilayah Indochina bagi menghormati kemerdekaan dan kedaulatan wilayah berkenaan. Hasil persidangan ini sememangnya kurang disenangi oleh Amerika Syarikat dan Vietnam sendiri. Mereka tidak bersetuju dengan idea pemisahan Vietnam kepada dua bahagian dan menentang sebarang usaha untuk berkompromi dengan pihak Komunis. Ngo Dinh Diem yang dilantik sebagai Perdana Menteri Vietnam Selatan yang mendapat bantuan dari Amerika Syarikat juga tidak mahu mengadakan pilihan raya seperti mana yang terkandung dalam perjanjian berkenaan (Westheider, 2007).

## 2.2 Vietnam Pasca Perjanjian Geneva 1954

Perjanjian Geneva yang telah ditandatangani pada tahun 1954 telah memulai era baru Vietnam. Kini Vietnam telah diperakui di peringkat antarabangsa sebagai dua buah negara yang terpisah. Vietnam Utara merupakan sebuah negara Sosialis Komunis di bawah kerajaan pimpinan Ho Chi Minh manakala Vietnam Selatan menggunakan ideologi Demokrasi Kapitalis dengan dipimpin oleh Ngo Dinh Diem sebagai Perdana Menteri. Vietnam Utara mendapat sokongan dari negara-negara kuasa besar blok Komunis seperti Kesatuan Soviet dan Republik Rakyat China manakala Vietnam Selatan pula mendapat sokongan dari negara Perancis dan Amerika Syarikat. Vietnam menerima nasib sama seperti Korea dan Jerman yang juga dipisahkan kerana perbezaan ideologi Kapitalis Demokrasi dan Sosialis Komunis.

Vietnam Utara muncul sebagai sebuah negara Komunis yang merdeka dan berdaulat. Walaupun menghadapi banyak cabaran dalam membangunkan negara terutama pasca pemisahan dan perperangan bersama Vietnam Selatan, Ho Chi Minh bagaimanapun tidak menghadapi sebarang masalah dalam politik seperti mana yang dihadapi oleh Ngo Dinh Diem di selatan. Hal ini berikutan Ho Chi Minh mempunyai kuasa penuh terhadap jentera kerajaan bagi membangunkan negara (Jumper & Normand, 1982). Parti Pekerja Vietnam yang ditubuhkan pada tahun 1951 kemudiannya menjadi organisasi pentadbiran kerajaan Vietnam Utara dan bertanggungjawab dalam menentukan setiap dasar kerajaan mengikut doktrin Sosialisme. Vietnam Utara dianggarkan menerima bantuan ekonomi sejumlah USD 911 juta dari negara-negara blok Komunis termasuk China, Kesatuan Soviet, dan negara-negara Eropah Timur sehingga 1965 bagi membangunkan ekonomi negara berkenaan (Kaye, 1962).

Dari aspek politik pula, Vietnam Utara sememangnya bersetuju dengan Perjanjian Geneva yang menjanjikan sebuah pilihan raya umum pada tahun 1956. Vietnam Utara sememangnya berhasrat untuk kembali menguasai Vietnam Selatan dan menyatukan Vietnam. Mereka melancarkan kempen propaganda besar-besaran pada tahun 1955 bagi memenangi pilihan raya yang bakal diadakan tersebut (McGee, 1968). Bagaimanapun, Vietnam Selatan gagal mengadakan pilihan raya pada tahun 1956. Hal ini menyebabkan Vietnam Utara mengambil keputusan untuk menukar strategi perjuangannya kepada perjuangan bersenjata pada tahun 1959 bagi menyatukan semula Vietnam. Barisan Pembebasan Kebangsaan Vietnam Selatan ditubuhkan bagi membebaskan Vietnam Selatan dan menggulingkan kerajaan sedia ada (Weinstern, 1966).

Ngo Dinh Diem di Vietnam Selatan juga menghadapi beberapa cabaran dalam melaksanakan pentadbiran kerajaan. Beliau menghadapi masalah politik, ekonomi, dan juga tentera berikut pemisahan negara tersebut. Kelemahan kerajaan Bao Dai sebelumnya juga telah menimbulkan kebimbangan terhadap Vietnam Selatan dan Amerika Syarikat terhadap kemungkinan untuk kerajaan Vietnam Utara menang dalam pilihan raya yang dijadualkan pada 1956. Amerika Syarikat memainkan peranan penting di Vietnam Selatan dengan menghapuskan pengaruh Perancis dan memberi pelbagai bentuk bantuan bagi mengukuhkan kuasa kerajaan Ngo Dinh Diem (Westheider, 2007). Namun, konflik lebih jelas berlaku antara Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan apabila Ngo Dinh Diem mengancam untuk mengadakan perbincangan terus dengan Hanoi dan menggubal dasarnya sendiri bagi mencari jalan penyelesaian. Kerajaan Ngo Dinh Diem akhirnya telah digulingkan oleh sekumpulan jeneral sebelum beliau dibunuhi di Cholon.

### 2.3 Perang Vietnam

Sejak Perjanjian Geneva 1954, Vietnam Utara yakin bahawa kerajaan Ngo Dinh Diem akan tumbang hasil pemberontakan dalaman. Justeru, matlamat mereka untuk menyatuan semula Vietnam hanya boleh dicapai melalui rundingan dengan rejim baru atau menerusi pilihan raya di seluruh negara pada tahun 1956. Bagaimanapun, Vietnam Selatan yang mendapat sokongan kuat Amerika Syarikat pula dalam masa yang sama tidak menginginkan pilihan raya untuk diadakan (Westheider, 2007). Kegagalan Vietnam Selatan mengadakan pilihan raya membuatkan Vietnam Utara mengubah strategi perjuangannya kepada perjuangan senjata pada tahun 1959 bagi menyatukan kembali Vietnam (Hicks, 1962).

Keinginan Vietnam Utara untuk kembali menguasai Vietnam jelas apabila Hanoi telah memberikan sokongan tentera kepada Barisan Pembelaan Vietnam Selatan bagi membebaskan wilayah berkenaan daripada pengaruh Amerika Syarikat. Malah, Parti Revolusi Rakyat ditubuhkan pada tahun 1962 bagi menguruskan pemberontakan berkenaan (Westheider, 2007). Hal ini akhirnya telah mencetuskan perang saudara antara Vietnam Utara dan Vietnam Selatan dari tahun 1959 hingga 1975. Perang ini telah meningkatkan lagi campur tangan asing di negara berkenaan. Perang ini juga dikatakan sebagai Perang Proksi antara Blok Komunis dan Blok Kapitalis kerana Vietnam Utara mendapat sokongan ketenteraan dari Kesatuan Soviet dan Republik Rakyat China manakala Vietnam Selatan dibantu oleh Amerika Syarikat (Chen Jian, 1995). Perang Vietnam tamat pada tahun 1975 dengan kemenangan Vietnam Utara. Vietnam kembali menjadi sebuah negara yang satu pada tahun 1976 dan diperintah sepenuhnya oleh rejim komunis.

Secara keseluruhannya, Vietnam telah mendapat kemerdekaan dari Perancis pada tahun 1954. Bagaimanapun, Perjanjian Geneva 1954 telah memisahkan Vietnam kepada dua wilayah iaitu Vietnam Utara dan Vietnam Selatan yang juga dipersetujui Perancis dan Vietnam. Namun begitu, Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan kurang senang dengan perjanjian tersebut. Kegagalan dalam melaksanakan perjanjian tersebut telah mencetuskan satu lagi siri peperangan Indochina II yang juga dikenali sebagai Perang Vietnam. Vietnam Selatan yang mendapat sokongan Amerika Syarikat kemudiannya menyerah kalah kepada Vietnam Utara yang mendapat sokongan China dan Kesatuan Soviet dalam peperangan tersebut (Chen Jian, 1995). Vietnam akhirnya kembali disatukan menjadi sebuah negara pada tahun 1975 dengan nama Republik Sosialis Vietnam dengan Hanoi sebagai ibu negara Vietnam (Westheider, 2007).

## 3. Liberalisasi Ekonomi Vietnam: Dasar Doi Moi 1986

Selepas disatukan semula, Vietnam berhadapan dengan pelbagai cabaran bagi membangunkan semula negaranya pasca peperangan. Antaranya termasuk cabaran dan ancaman dari sudut politik dan sosioekonomi. Ancaman luaran datang dari negara-negara berhampiran Vietnam yang menganut ideologi Pro-Demokrasi. Bagi mengatasi masalah tersebut, Vietnam mengambil langkah dengan menyerang Kemboja pada tahun 1978 sebelum mendapat tekanan antarabangsa. Dari aspek dalaman

pula, Vietnam berhadapan dengan pelbagai masalah sosioekonomi serta kemusnahan teruk akibat perperangan. Justeru, Vietnam terpaksa merangka pelbagai dasar dan program bagi memulihkan semula ekonomi negara berkenaan. Pada tahun 1986, Vietnam telah melancarkan Dasar Doi Moi yang menjadi titik permulaan pembangunan pesat negara berkenaan.

### 3.1 Liberalisasi Ekonomi Vietnam

Reformasi ekonomi Vietnam bermula selepas berakhirnya Perang Vietnam pada tahun 1975. Pada ketika ini, ekonomi negara berkenaan berada pada tahap paling buruk impak daripada perperangan yang berpanjangan. Pengangguran menjadi masalah utama ekonomi Vietnam kerana terlalu ramai penduduk yang kehilangan pekerjaan terutama pada sektor pertanian. Banyak kawasan pertanian telah musnah akibat perperangan menjadikan negara berkenaan hilang punca ekonomi. Hal ini berikutan sektor pertanian merupakan sumber ekonomi utama negara berkenaan. Kadar pengangguran yang tinggi ini menjadikan Vietnam sebagai negara termiskin dari segi taraf hidup di dunia. Pendapatan Vietnam pada ketika itu banyak bergantung pada dana asing yang diberikan oleh Kesatuan Soviet sebanyak USD 3 bilion setahun. Selain itu, Amerika Syarikat turut memberikan pampasan perang bagi membantu pembangunan semula negara berkenaan.

Selain itu, Vietnam juga terpaksa berhadapan dengan ancaman luaran terutama dari negara sekelilingnya. Vietnam pada ketika itu dikelilingi oleh negara jiran yang Pro-Demokrasi tajaan Amerika Syarikat seperti Thailand dan Filipina. Selain itu, Vietnam juga menghadapi ancaman dari China yang membabitkan konflik bersenjata antara dua negara berkenaan. Bagi mengurangkan persepsi ancaman tersebut, Vietnam mengambil langkah dengan menyerang Kemboja pada tahun 1978. Serangan ini dilakukan dengan anggapan bahawa negara-negara Indochina yang terdiri dari Kemboja, Laos, dan Vietnam akan terselamat dari ancaman negara jirannya yang merupakan negara yang mengamalkan Demokrasi. Kemboja dan Laos juga dianggap sebagai benteng pertahanan bagi negara Vietnam dari ancaman sekeliling. Hal ini tidak asing kerana Indochina sebelumnya memang di bawah penguasaan Perancis (Ruhanas, 2004).

Bagaimanapun, tindakan Vietnam menyerang Kemboja mendapat reaksi negatif masyarakat antarabangsa. Dunia menyifatkan tindakan Vietnam tersebut adalah untuk menguasai Indochina yang sememangnya terkenal dengan kekayaan sumber alam semulajadi (Ruhanas, 2004). Serangan ke atas Kemboja telah memburukkan lagi ekonomi Vietnam apabila dikenakan sekatan ekonomi oleh Amerika Syarikat, Jepun, dan institusi antarabangsa yang lain sebagai tanda tidak puas hati mereka terhadap Vietnam. Lebih buruk lagi apabila Soviet sendiri menghentikan bantuan dana terhadap Vietnam setelah menerima tekanan dari Amerika Syarikat (Manyin, 2005). Kesan dari pelbagai sekatan yang dikenakan ke atasnya, Vietnam mula merangka pelbagai pelan pembangunan negara khususnya pembangunan ekonomi bagi memastikan kedaulatan negara dan kelangsungan parti Komunis terus terjamin dan dalam masa yang sama bagi memulihkan kepercayaan antarabangsa.

### 3.2 Dasar Ekonomi Tertutup Vietnam

Sebelum liberalisasi ekonomi dilaksanakan, Vietnam dicatatkan sebagai negara kelima termiskin di dunia dengan seramai 75 peratus penduduk dikategorikan sebagai miskin pada tahun 1984 (World Bank, 2002). Vietnam sebelum Doi Moi mengamalkan sistem ekonomi berpusat sebagaimana yang dianjurkan dalam Komunisme. Di bawah sistem ekonomi berpusat dan tertutup ini, Vietnam menghadapi pelbagai masalah ekonomi domestik terutamanya dari aspek pengangguran, kesihatan, pendidikan, dan juga jenayah. Inflasi negara berkenaan juga melonjak ke tahap 700% selain pertumbuhan ekonomi yang sangat perlahan. Justeru itu, isu ini kerap menjadi perbahasan hangat dalam setiap persidangan kongres Parti Komunis Vietnam. Vietnam yang sebelum ini dilihat lebih banyak menumpukan perbelanjaan negara dalam bidang ketenteraan telah melemahkan ekonomi negara berkenaan. Tambahan lagi, persekitaran ekonomi di rantau Asia Tenggara yang mengamalkan ekonomi terbuka juga sedikit sebanyak mempengaruhi daya saing ekonomi Vietnam.

Kebergantungan negara terhadap ekonomi dalaman negara juga semakin lemah dan hanya mengharapkan dana dan bantuan luar terutama dari Kesatuan Soviet. Kesatuan Soviet juga kemudiannya memberhentikan bantuan intensif kewangan kepada Vietnam susulan serangan Vietnam terhadap Kemboja. Kesatuan Soviet juga mendapat tekanan ekonomi dari Amerika Syarikat dan Jepun pada ketika itu. Amerika Syarikat dan Jepun kemudiannya melancarkan sekatan ekonomi embargo terhadap Vietnam. Akibatnya, negara tersebut tidak dapat mengeksport segala hasil pertaniannya yang sebelum ini menjadi aktiviti ekonomi utama Vietnam. Manakala negara-negara sekutu Amerika Syarikat juga dilarang mengimport barang dari Vietnam. Tekanan ekonomi ini akhirnya menyebabkan Vietnam kehilangan sumber pendapatan dan negara berhadapan dengan krisis sosioekonomi yang terburuk.

Sistem ekonomi Sosialis atau berpusat ini bukan sahaja diamalkan di Vietnam, tetapi juga di negara Indochina yang lain iaitu Laos dan Kemboja. Sistem ekonomi ini dijalankan dengan beberapa tujuan. Antaranya adalah bagi memastikan kesemua hasil negara akan disalurkan kepada elit pemerintah Komunis bagi memastikan masyarakat dan rakyat terus setia bersama pemerintah dengan kebergantungan yang tinggi. Sistem ekonomi ini juga menghalang sebarang pemilikan harta atau aset oleh bangsa asing yang mana mampu mengancam kelangsungan rejim pemerintah iaitu Parti Komunis Vietnam. Sistem ekonomi yang juga diwarisi dari Kesatuan Soviet ini juga dalam masa yang sama mampu mengekang pengaruh kapitalis barat terutama Amerika Syarikat yang juga berniat untuk menguasai Asia Tenggara.

### 3.3 Doi Moi dan Liberalisasi Ekonomi Vietnam

Pada Konvensyen Parti Komunis Vietnam keenam pada tahun 1986, Dasar Doi Moi telah diperkenalkan sebagai sebuah polisi menyeluruh bagi pembangunan Vietnam. "Doi Moi" membawa maksud "pengubahsuaian". Dasar ini juga dikenali sebagai "*market-oriented socialist economy under state guidance*" (Beresford, 2008). Maka, Dasar Doi Moi merujuk kepada sebuah dasar pengubahsuaian ekonomi Vietnam yang sebelumnya mengamalkan ekonomi tertutup kepada dasar ekonomi liberal yang lebih terbuka walaupun masih diawasi kerajaan. Keputusan ini diikuti dengan langkah Vietnam yang membuat keputusan untuk berundur dari Kemboja pada tahun 1988. Keputusan ini mendapat respon segera antarabangsa di mana bantuan dan dana kembali disalurkan kepada Vietnam termasuk dari Bank Dunia yang kemudiannya banyak memainkan peranan dalam pembangunan semula Vietnam.

Selepas empat tahun dilaksanakan, Vietnam mula mencatatkan pertumbuhan ekonomi secara purata sebanyak 7.3% sepanjang tahun 1990 hingga 2010 (IMF, 2012). Hal ini sekali gus mengubah Vietnam dari sebuah negara miskin kepada sebuah negara berpendapatan sederhana. Pertumbuhan ekonomi ini juga telah meningkatkan pendapatan per kapita rakyat Vietnam dari USD 98 pada tahun 1990 kepada USD 833 pada tahun 2007 (World Bank, 2010). Kejayaan Vietnam dalam membangunkan ekonominya mendapat pujian dari badan antarabangsa. Vietnam yang sebelum ini pernah menjadi sebuah negara termiskin dengan pendapatan per kapita US\$100, hari ini Vietnam muncul sebagai sebuah negara kelas berpendapatan sederhana dengan pendapatan per kapitanya melebihi USD 2,000 sehingga akhir 2014.

Bagaimanapun, Doi Moi mengambil masa sehingga 3 tahun sebelum menunjukkan impak. Tambahan pula, keruntuhan empayar Kesatuan Soviet pada tahun 1991 juga memberi kesan langsung terhadap Vietnam terutama dari aspek perdagangan luar, kenaikan inflasi, serta ketidakstabilan matawang Vietnam. Namun begitu, penyambungan semula hubungan diplomatik dan perdagangan Vietnam dengan Amerika Syarikat dan Jepun serta institusi kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia atau *World Bank* (WB) dan Tabung Kewangan Antarabangsa atau *International Monetary Fund* (IMF) sedikit sebanyak berjaya menstabilkan situasi ekonomi (Beresford, 2008). Hal ini menunjukkan kejayaan Doi Moi dalam menyelamatkan ekonomi Vietnam. Pelaksanaan dasar ini dan juga pengunduran tentera Vietnam dari Kemboja dikira sebagai suatu langkah yang cukup strategik dan tepat dalam menentukan kelangsungan negara ini dari aspek sosiopolitik.

Terdapat tiga tonggak utama yang diberikan penekanan menerusi Dasar Doi Moi iaitu penstrukturran semula ekonomi, pembangunan sains dan teknologi, serta memulihkan hubungan antarabangsa. Sebelum Doi Moi diperkenalkan, Vietnam mengamalkan ekonomi pertanian berskala kecil dan hanya bermatlamat untuk memastikan kelangsungan rejim dan dalam masa yang sama memenuhi keperluan asas rakyat. Selepas diperkenalkan, Vietnam telah melaksanakan transformasi terutama terhadap syarikat milik kerajaan atau state-owned enterprises (SOEs), syarikat swasta atau private-owned enterprises (POEs), dan syarikat milik asing atau foreign-owned enterprises (FOEs). SOEs ditransformasi dengan membasmi amalan rasuah, ketidakcekapan pentadbiran, kerenah birokrasi, kronisme, serta masalah disiplin pekerja (Beresford 2008). POEs dan FOEs pula diberikan pelbagai insentif dan kemudahan bagi merangsang mereka untuk merancakkan ekonomi domestik dan seterusnya memberikan pulangan kepada kerajaan. Vietnam juga menggunakan bantuan pembangunan luar atau *official development assistance* (ODA) bagi menggalakkan pelaburan asing. Strategi ini berjaya berikutan pelaburan langsung asing tertinggi dicatatkan sebanyak USD 2 bilion pada tahun 1995.

Dasar Doi Moi juga memberi penekanan terhadap sains dan teknologi dengan memberi penekanan terhadap usaha-usaha pengkomersilan. Pembangunan sains dan teknologi sebelum ini lebih banyak tertumpu pada bidang ketenteraan. Kini, di bawah teraju golongan usahawan dan teknokrat, penyelidikan dan pembangunan diberikan fokus baru selari dengan perkembangan dunia global. Kini, kajian-kajian yang dilakukan lebih tertumpu pada kebajikan rakyat terutama dari aspek sosial, kesihatan, dan kesejahteraan rakyat (Gates, Noerlund & Vu, 2014). Hal ini, sesuai dengan aspirasi kerajaan Vietnam untuk menjadi sebuah negara perindustrian menjelang tahun 2020 (Tan, 2012).

Selain itu, Dasar Doi Moi juga mempunyai beberapa objektif lain yang perlu dicapai iaitu pembangunan ekonomi multisektor jangka panjang, mengenal pasti peranan yang perlu dimainkan di pasaran bagi menggalakkan pengeluaran komoditi, dan mewujudkan keutamaan dalam ekonomi baru termasuk pembangunan pertanian, promosi pengeluaran barang pengguna, meningkatkan pengeluaran serta eksport. Selain itu, Vietnam juga berhasrat untuk menstabilkan persekitaran sosioekonomi menerusi dasar ini, termasuk dalam mengurangkan kadar inflasi, belanjawan defisit, meningkatkan taraf hidup rakyat, serta mengadakan hubungan baik dengan negara luar (Anh, 1995).

Pada tahun 2000, Vietnam secara rasmi telah menandatangani Perjanjian Perdagangan Dua Hala atau *Bilateral Trade Agreement* (BTA) dengan Amerika Syarikat yang memberikan status ‘*Normal Trade Relation*’ (NTR) kepada Vietnam dalam pasaran Amerika Syarikat. Hal ini membolehkan Vietnam muncul sebagai negara berdasarkan pembuatan dan eksport serta dalam masa yang sama menarik pelaburan asing dari Amerika Syarikat, Eropah, Asia, dan seluruh dunia ke negara berkenaan. Pada tahun 2001, Parti Komunis Vietnam meluluskan rancangan ekonomi 10 tahun yang antara lainnya memperkasakan sektor swasta sehingga sektor tersebut menguasai hampir sebahagian hasil industri negara. Pada tahun 2007, Vietnam secara rasmi menganggotai Organisasi Perdagangan Dunia atau *World Trade Organisation* (WTO) setelah 11 tahun melakukan tempoh persediaan dan 8 tahun tempoh rundingan. Hal ini telah merancak dan memperkembangkan lagi liberalisasi perdagangan negara dan dalam masa yang sama perlu bersaing dengan syarikat asing. Pada tahun 2012, Vietnam hampir berhadapan dengan krisis ekonomi setelah banyak SOEs bankrup dan berlaku inflasi secara mendadak. Kerajaan kemudiannya melancarkan satu skim pembaharuan ekonomi. Pada akhir 2013, kerajaan telah melaksanakan penswastaan 25% ke 50% SOEs, dengan hanya mengekalkan pegangan terhadap perkhidmatan awam dan ketenteraan sahaja. Langkah ini telah mengembalikan kepercayaan pelabur dan seterusnya meningkatkan prestasi ekonomi negara berkenaan.

#### **4. Impak Liberalisasi Terhadap Sosioekonomi Vietnam**


Dasar Doi Moi yang diperkenalkan pada tahun 1986 telah membawa Vietnam ke dimensi baru dalam sejarah era moden. Bagaimanapun, dasar reformasi ekonomi ini bukan suatu dasar baru bagi sesebuah negara Sosialis seperti Vietnam. Hal ini berikutan negara jiran yang juga merupakan negara

Sosialis, iaitu China sendiri telah pun lebih awal melaksanakan dasar reformasi dan keterbukaan yang diperkenalkan oleh Deng Xiao Ping pada tahun 1978. Bahkan, Kesatuan Soviet yang juga merupakan paksi Sosialisme sendiri telah melaksanakan reformasi ekonomi dan politik yang secara langsung telah mengubah asas-asas Sosialisme itu sendiri. Ternyata, reformasi ini diperlukan oleh negara-negara Sosialis bagi membolehkan mereka menyesuaikan diri dan terus bersaing dan berintergrasi dengan dunia global.

Di Vietnam sendiri, Dasar Doi Moi telah memberi impak yang besar dan signifikan terhadap pembangunan sosioekonomi negara berkenaan. Pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) Vietnam merupakan antara paling cepat didunia dengan purata 5.5% pada tahun 1990 kepada 6.4% pada tahun 2000. Pertumbuhan ini terus kukuh pada tahun 2016 dengan catatan 6.7% dan merupakan antara yang tertinggi di dunia. Selain itu, Doi Moi juga telah berjaya meningkatkan jumlah perdagangan Vietnam yang meningkat dari USD 327.76 bilion pada tahun 2015 berbanding hanya USD 15 bilion pada tahun 2001. Prestasi Vietnam ini boleh dilihat melalui Rajah 1.

### Vietnam's Economy Seen Among This Year's Top Performers

Top 10 fastest-growing economies in 2016



Source: Based on median forecasts in Bloomberg surveys of economists. Excludes some of the smallest economies

Bloomberg

**Rajah 1: Pertumbuhan ekonomi Vietnam berbanding negara lain**

#### 4.1 Kemasukan Perlaburan Asing ke Vietnam

Vietnam mula membuka lebih banyak ruang dan peluang bagi menggalakkan kemasukan pelabur asing ke negara berkenaan sejak dasar Doi Moi dilaksanakan. Pada tahun 1991, Singapura, Jepun, dan Hong Kong telah muncul sebagai negara penyumbang pelaburan asing di Vietnam iaitu 58% daripada jumlah keseluruhan. Pelbagai usaha lain dilakukan bagi menarik minat pelabur asing untuk melakukan pelaburan di negara berkenaan. Vietnam juga memperkenalkan insentif seperti memberi kemudahan infrastruktur yang lengkap, upah buruh yang murah, serta kemudahan pinjaman yang mudah. Kerajaan Vietnam mengambil langkah mengurangkan upah buruh daripada USD 50 kepada USD 35 sebulan pada tahun 1992 bagi menarik lebih banyak pelaburan asing.

Hasilnya, insentif ini telah berjaya menarik pelaburan asing dengan nilai USD 700 juta termasuk 28 industri dengan nilai USD 200 juta yang juga merangkumi tiga projek cari gali minyak dengan nilai

pelaburan sebanyak USD 195 juta. Terdapat juga 10 projek lain yang berkaitan dengan pertanian, pembalakan, dan pemprosesan makanan dengan nilai pelaburan sebanyak USD 105 juta dan lima projek industri perikanan dengan nilai USD 23 juta. Kemasukan jumlah pelaburan asing yang besar ini menunjukkan kejayaan dasar Doi Moi dalam mengubah landskap pembangunan ekonomi di Vietnam. Kerajaan Vietnam turut bertindak melakukan penambahbaikan dalam sektor kewangan menerusi dasar Doi Moi. Bank negara asing mula dibenarkan beroperasi di Vietnam. Antaranya adalah Bank Komersial Perancis, *Thai Military Bank, ANZ Bank of Australia, Standard Chartered Bank of Great Britain* dan *Dutch NMB of Netherlands*.

Vietnam juga terus menambahbaik perundangan dan peraturan pelaburan bagi memastikan keselesaan dan keyakinan perlabur asing. Antara langkah yang dilakukan termasuklah memudahkan urusan projek dan permit perniagaan, penyediaan prosedur yang jelas dalam urusan pajakan dan penyewaan tanah, penyediaan prosedur berkaitan pengambilan buruh, serta pindaan perundangan berkaitan syarikat serta pelaburan asing untuk pembelian saham syarikat milik kerajaan. Usaha pengukuhan hubungan antara bank negara dengan bank komersil turut dilakukan. Beberapa bank komersial milik kerajaan turut ditubuhkan seperti *Bank For Foreign Trade* (Vietcombank), *Industry and Commerce Bank* (Incombank), *Agriculture Bank* (Agribank), dan *Bank of Investment and Development* (BID). Usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan menerusi Doi Moi ini jelas menunjukkan kesungguhan Vietnam dalam meliberalisasikan ekonomi negaranya. Hasilnya, Vietnam menjadi tempat tumpuan pelabur asing.

Selain itu, kemasukan institusi asing juga telah merancakkan peluang pekerjaan dalam negara. Projek Pembangunan Sektor Hutan atau *Forest Sector Development Project* merupakan projek pertama di Vietnam yang menggunakan pendekatan pinjaman kepada peladang kecil berbanding pendekatan tradisional sebelum ini yang memberi subsidi perladangan. Lebih daripada 43,000 isi rumah di Vietnam menerima akses kepada pembiayaan mikro dan sokongan teknikal untuk menubuhkan lebih 76,500 hektar hutan di bawah projek sokongan Bank Dunia dan menerima pembiayaan lebih daripada USD 100 juta daripada Persatuan Pembangunan Antarabangsa atau *International Development Association* (IDA) Kumpulan Bank Dunia, Tabung Amanah Perhutanan dan kerajaan Vietnam. Projek ini dilaksanakan sejak tahun 2005 hingga 2015 di wilayah Binh Dinh, Quang Ngai, Quang Nam, Thua Thien Hue, Nghe An, dan Thanh Hoa. Walaupun projek ini telah disiapkan pada Mac 2015, projek ini akan terus dilaksanakan untuk tempoh 20 tahun lagi selepas selesai projek itu bagi membuka peluang kepada isi rumah yang lain.

#### 4.2 Pengurangan Jumlah Syarikat Milik Kerajaan


Transformasi syarikat milik kerajaan (SOEs) telah memberikan sumbangan signifikan terhadap ekonomi Vietnam. SOEs pada tahun 2009 dianggarkan telah berjaya menyumbang sebanyak 40% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Vietnam, manakala syarikat swasta sebanyak 48% dan 12% pula adalah pendapatan isi rumah (GSO, 2010). Selain itu, jumlah SOEs juga dikurangkan bagi memastikan produktiviti SOEs terus terjamin. Pada tahun 1990, terdapat lebih kurang sejumlah 12,500 SOEs. Jumlah ini bagaimanapun menurun kepada 5,600 pada tahun 2001. Menjelang 2010, hanya terdapat 1,473 SOEs yang masih beroperasi di Vietnam (Do & Truong 2009). Pengurangan jumlah SOEs ini juga dalam masa yang sama menunjukkan pengurangan kawalan dan monopoli syarikat milik negara yang dikawal oleh pemerintah (Beresford, 2008).

Selain itu, pengurangan SOEs juga sebenarnya bagi mengurangkan bebanan hutang yang diwujudkan akibat ketidakcekapan syarikat berkenaan berbanding syarikat milik swasta dan syarikat milik asing yang jauh lebih efektif (Vietnam Net Bridge 2010). Ketidakcekapan berlaku disebabkan wujudnya terlalu banyak kerentak birokrasi, berlakunya lebihan pekerja, serta banyak ketirisan dalam urustadbir syarikat termasuklah berleluasannya amalan nepotisme dan rasuah (Wright & Nguyen, 2000). Dengan pengurangan jumlah ini, bebanan hutang dan ketirisan dalam pengurusan dapat diminimakan dan menjadikan firma lebih cekap dan berdaya maju. Pengurangan SOEs juga ditampung

dengan pertambahan jumlah syarikat swasta daripada hanya 49,000 pada tahun 1999 kepada 520,000 buah syarikat pada tahun 2010 (Pham et al., 2010).


#### 4.3 Pembasmian Kebuluran dan Kemiskinan Tegar

Antara inisiatif yang diambil bagi menangani kebuluran dan kemiskinan tegar di Vietnam adalah dengan mencapai gunatenaga penuh dan produktif. Wanita dan orang muda yang mampu bekerja ditempatkan di mana-mana sektor ekonomi bagi mengurangkan separuh daripada jumlah penduduk yang mengalami kebuluran dan kemiskinan. secara keseluruhannya, Vietnam berjaya mengurangkan kadar kemiskinan negara itu sejak Doi Moi diperkenalkan. Pada tahun 1990, kadar kemiskinan adalah sebanyak 58.1 peratus. Jumlah ini dapat dikurangkan kepada 14.5 peratus pada tahun 2008. Bagaimanapun, kadar ini dilihat menurun, tetapi beberapa etnik minoriti di luar bandar yang masih lagi berada di bawah tahap kemiskinan kronik. Di bandar, kerajaan mengambil langkah dengan melibatkan golongan miskin dalam ekonomi multi sektor. Usaha ini dapat meningkatkan pendapatan isi rumah dan mengeluarkan mereka dari paras kemiskinan. Sehingga tahun 2012, Vietnam telah berjaya menurunkan peratusan golongan yang berpendapatan rendah dalam kategori hampir miskin dan miskin dan dalam masa yang sama meningkatkan golongan kelas berpendapatan sederhana. Dengan ini, jurang pendapatan antara golongan berpendapatan rendah dan sederhana berjaya dikurangkan. Vietnam juga jika dibandingkan dengan negara lain adalah antara terkehadapan dalam mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan rakyat (rujuk Rajah 2 dan Rajah 3).



**Rajah 2: Pembahagian pendapatan dalam kalangan rakyat Vietnam**

**Chart 3: INDONESIA, VIETNAM CHINA  
DO A BETTER JOB IN REDUCING POVERTY**




**Rajah 3: Peratusan kadar kemiskinan mengikut jumlah populasi rakyat**

#### 4.4 Pencapaian Tahap Pendidikan yang Menyeluruh

Menerusi dasar Doi Moi, Vietnam telah berjaya meningkatkan pencapaian tahap pendidikan bagi rakyatnya. Tahap pendidikan merupakan salah satu penanda aras penting dalam melahirkan modal insan yang berkualiti dan mahir. Pada tahun 2009, sebanyak 97 peratus pengambilan pelajar peringkat sekolah rendah dilakukan dan 87 peratus darinya berjaya menamatkan sesi persekolahan selama lima tahun sesi pembelajaran. 97 peratus dari jumlah tersebut pula menyambung pelajaran di peringkat menengah. Perkembangan positif juga ditunjukkan menerusi isu diskriminasi gender di mana Vietnam mengambil pelajar lelaki dan perempuan dalam sesi kemasukan pelajar di sekolah rendah dan menengah. Kualiti pendidikan juga ditingkatkan apabila guru diberikan latihan sewajarnya bersesuaian dengan kurikulum pendidikan yang ditetapkan. Kos pengajian di peringkat rendah juga adalah percuma.

Selaian itu, kerajaan Vietnam juga menyediakan model pendidikan inovatif Colombia iaitu program Escuela Nueva. Hampir 440,000 pelajar sekolah rendah bakal mendapat manfaat daripada projek yang disokong oleh bank Dunia dan mendapat geran sebanyak USD 84.6 juta dari *Global Partnership for Education*. Melalui model ini, pelajar akan terlibat dalam proses pembelajaran di kelas apabila guru mereka bertindak sebagai fasilitator. Hari ini, Vietnam mempunyai 234 buah universiti dan 185 buah kolej. Kadar celik huruf dikalangan rakyat belia dan dewasa juga telah melepas tahap 93.2%. Pencapaian ini boleh dilihat menerusi Rajah 4.



**Rajah 4: Prestasi negara Vietnam dalam sektor pendidikan berbanding negara-negara lain**

#### 4.5 Keseimbangan Gender dan Hak Wanita

Keseimbangan gender dan hak wanita juga tidak dikecualikan menerusi dasar Doi Moi yang dilaksanakan. Hal ini boleh dilihat menerusi beberapa sektor negara tersebut yang jelas memberi kedudukan terhadap wanita. Keseimbangan gender dalam sektor pendidikan menunjukkan 49 peratus pelajar wanita telah didaftarkan disemua peringkat pada tahun 2008 hingga 2009. Guna tenaga juga mencatatkan sebanyak 88.6 peratus wanita berbanding 92.6 peratus dari lelaki pada tahun 2008. Wanita juga diberikan hak yang sama untuk berpartisipasi dalam politik. Dalam Dewan Perhimpunan Negara, wanita diberikan hak untuk menjadi perwakilan dan mencatatkan peningkatan dari tahun ke tahun. Pada tahun 1987 hingga 1992, sebanyak 17.8 peratus adalah penglibatan wanita. Jumlah ini meningkat kepada 25.8 peratus pada tahun 2007 hingga 2011.

#### 4.6 Kelestarian Alam Sekitar

Aspek penjagaan alam sekitar turut dititikberatkan melalui pelaksanaan dasar Doi Moi. Sehingga tahun 2010, sebanyak 40 peratus kawasan hutan yang dilindungi telah berjaya dicapai. Hal ini meningkat dari hanya 27.8 peratus pada tahun 1990. Hal ini menunjukkan bahawa Vietnam telah pun berjaya mematuhi piawaian antarabangsa berhubung memastikan penjagaan dan kelestarian alam sekitar. Begitu juga dengan penghasilan bekalan air bersih. Jumlah populasi penduduk pedalaman yang berjaya mendapatkan bekalan air bersih telah meningkat dari 30 peratus pada tahun 1990 kepada 83 peratus pada tahun 2010. Malah, masalah ketiadaan bekalan air untuk separuh daripada keseluruhan penduduk Vietnam juga telah berjaya dicapai pada tahun 2010.

#### 4.7 Pencapaian Ekonomi Memberangsangkan

Vietnam melalui dasar Doi Moi telah menunjukkan prestasi peningkatan ekonomi yang sangat membanggakan sejak dilaksanakan pada 1986. Dasar ini bukan sahaja telah menukar sistem ekonomi berpusat kepada ekonomi terbuka, malah telah juga berjaya mengubah status negara Vietnam dari sebuah negara miskin dunia menjadi negara ekonomi pertengahan. Pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan melalui dasar ini juga telah banyak mengubah kehidupan sosial masyarakat Vietnam (Balisacan, 2011). Kadar kemiskinan telah menurun dari 60 peratus pada tahun 1990 kepada

14.2 peratus pada tahun 2010. Pertumbuhan ekonomi pula terus mencatatkan kenaikan iaitu sebanyak 5.4 peratus dan angka ini dijangka akan terus berkembang untuk tahun-tahun mendatang.

Nilai KDNK juga meningkat kepada 5.4 peratus pada tahun 2013. Sektor perkhidmatan menyumbang sebanyak 6.6 peratus, perhotelan dan restoran pula sebanyak 9.9 peratus, manakala pelancongan pula sebanyak 11 peratus dari nilai KDNK. Sektor kewangan dan perbankan juga berkembang sebanyak 6.9 peratus. Sektor runcit dan borong juga telah berkembang sebanyak 6.5 peratus dari nilai KDNK negara. Industri perlombongan dan minyak pula mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.4 peratus, manakala industri pembuatan meningkat kepada 7.4 peratus. Industri pembinaan kekal dengan pertumbuhan sebanyak 5.8 peratus manakala sektor pertanian dan perikanan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.7 peratus. Kadar inflasi juga berkurangan daripada 18.6 peratus pada tahun 2012 kepada 6.6 peratus pada tahun 2013 (Nha & Quan, 2014).

## 5. Inisiatif Kerajaan Dalam Pembangunan Sosioekonomi

Aktor negara juga memainkan peranan penting dan terus menyatakan komitmen dalam melakukan pembangunan berterusan terhadap Vietnam. Antara yang dilaksanakan termasuklah Strategi Pembangunan Sosioekonomi Vietnam atau *Social Economic Development Strategy* (SEDS) 2011-2020 dan juga Visi Vietnam 2035: Ke Arah Kemakmuran, Kreativiti, Ekuiti, dan Demokrasi.

SEDS telah memfokuskan kapad pembaharuan struktur, kelestarian alam sekitar, keadilan sosial, dan kestabilan makroekonomi. Pelan SEDS juga merangkumi tiga sasaran iaitu untuk; menggalakkan pembangunan sumber atau kemahiran manusia dalam industri moden dan inovasi, penambahbaikan dalam institusi pasaran, serta pembangunan infrastruktur. SEDS sehingga tahun 2015 telah memberi tumpuan kepada tiga bidang kritikal untuk penyusunan semula iaitu sektor perbankan, perusahaan milik negara, dan pelaburan awam. Draf SEDS 2016 hingga 2020 pula akan menekankan keperluan untuk mempercepatkan pembaharuan ini bagi membolehkan sasaran dicapai dalam tempoh 10 tahun.

Visi Vietnam 2035 pula merupakan salah satu aspirasi yang dicetuskan oleh kerajaan Vietnam dengan kerjasama Bank Dunia untuk terus mengukuhkan pembangunan Vietnam. Visi ini bagi menjadikan Vietnam sebagai sebuah negara yang moden, perindustrian, memiliki ciri sosial yang inklusif, memelihara kelestarian alam sekitar, dan membina asas kepada tadbir urus yang baik dan berdaya tahan dengan penyertaan pelbagai institusi. Terdapat enam transformasi utama yang terkandung dalam visi ini. Antaranya adalah; membolehkan pemodenan ekonomi dengan sektor swasta yang berdaya saing, meningkatkan keupayaan teknologi dan inovatif, membentuk semula dasar bandar dan pelaburan untuk bandar-bandar yang lebih dinamik, hala tuju pembangunan kelestarian alam sekitar, menggalakkan kesaksamaan dan penyertaan dalam kalangan kumpulan yang terpinggir untuk pembangunan masyarakat kelas menengah yang harmoni, serta untuk mewujudkan peraturan dan undang-undang negara yang moden serta masyarakat yang demokratik.

## 6. Kesimpulan

Pengenalan dasar liberalisasi ekonomi yang dicetuskan oleh kerajaan pada 1986 telah mengubah sistem ekonomi Vietnam. Vietnam pada awalnya merupakan sebuah negara Sosialis mengamalkan ekonomi tertutup dan terpusat. Segala aktiviti ekonomi masyarakat dikawal sepenuhnya oleh pemerintah. Manakala aktiviti ekonomi hanya bersifat dalaman dan tidak membabitkan perdagangan dengan mana-mana negara luar kecuali hanya terhad kepada negara-negara sekutu yang juga menganut fahaman Sosialisme. Bagaimanapun, siri peperangan Indochina I dan Perang Vietnam yang berlaku mengakibatkan krisis ekonomi dan sosial yang terburuk di negara berkenaan. Walaupun komunis berjaya menyatukan dan menguasai Vietnam, namun mereka tetap perlu berdepan dengan krisis yang semakin menghimpit negara berkenaan. Justeru, kerajaan Vietnam akhirnya membuat keputusan untuk melaksanakan reformasi ekonomi dengan memperkenalkan dasar Doi Moi.

Dasar Doi Moi yang juga bermaksud “pengubahsuaian” hampir merubah keseluruhan sistem ekonomi Vietnam. Dasar ini dilaksanakan bagi mencapai beberapa tujuan. Antaranya adalah bagi membolehkan Vietnam dilihat sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi liberal oleh masyarakat antarabangsa sehingga Gabriel Kolko (1995) menganggap Doi Moi telah menjual Komunis kepada Kapitalis. Pelaksanaan Doi Moi bukan sahaja memberi ruang kepada negara dan syarikat asing membuat pelaburan, malah ekonomi Vietnam juga mendapat suntikan bantuan dari badan kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia dan Tabung Kewangan Dunia. Vietnam juga bebas dari sekatan ekonomi oleh mana-mana kuasa dunia sehingga Vietnam muncul sebagai sebuah negara strategik dengan peningkatan pelaburan dan sebuah negara pengeksport komoditi beras terbesar dunia. Dasar Doi Moi membuatkan Vietnam lebih mudah untuk mengadaptasi modenisasi dan globalisasi.

Tuntasnya, liberalisasi ekonomi sememangnya telah membawa perubahan besar terhadap sosioekonomi penduduk. Prestasi ekonomi Vietnam melonjak naik setanding dengan negara-negara sedang membangun yang lain. Bagi membolehkan Vietnam terus diterima masyarakat antarabangsa, kini Vietnam menyediakan prasarana dan kemudahan yang lebih baik bukan sahaja untuk pelaburan asing, tetapi juga bagi melahirkan modal insan berkemahiran tinggi dari negara berkenaan. Ternyata, kemasukan institusi antarabangsa ke negara berkenaan telah mempengaruhi layanan kerajaan terhadap rakyatnya. Elemen-elemen seperti hak asasi manusia, peluang mengejar kekayaan ekonomi, penyediaan prasarana pendidikan, dan pelbagai hub kemudahan lain bagi rakyat telah mentransformasi negara berkenaan menjadi sebuah negara Vietnam yang baru. Maka secara keseluruhannya, negara merupakan aktor dominan dalam melaksanakan liberalisasi ekonomi di Vietnam.

### Acknowledgement

The authors express their sincere gratitude to the Centre for General Studies and Co-curricular, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) for its support.

### Rujukan

- [1] Abu Talib Ahmad. 1991. *Sejarah Tanah Besar Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [2] Anh, V.T. 1995. Economic Policy Reforms: An Introductory Overview. *Vietnam In a Changing World*. Curzon Press, Richmond, 17-30.
- [3] Balisacan, A. M. 2011. *Economic Growth and Poverty Reduction in Viet Nam*. Darby: Diane Publishing.
- [4] Beresford, Melanie. 2008. Doi Moi in Review: The Challenges of Building Market Socialism in Vietnam. *Journal of Contemporary Asia* 38(2): 221-243.
- [5] Chen Jian. 1995. China’s Involvement In The Vietnam War, 1964-69. *The China Quarterly* 142: 356-387.
- [6] Chesneaux, Jean. 1966. *The Vietnamese Nation: Contribution to A History*. Sydney: Current Book Distributors Pty. Ltd.
- [7] Gates, C., Noerlund, I., & Vu, V.C.D. 2014. *Vietnam in a Changing World*. New York: Routledge.
- [8] Hicks, John Richard. 1962. *Vietnamese-Soviet Relations: China and South East Asia*. Hull: University of Hull.
- [9] Higgins, Hugh. 1974. *Vietnam*. London: Heinemann Educational Books Ltd.

- [10] IMF. 2012. *Vietnam 2012 Article IV Consultation*. Washington D.C: International Monetary Fund.
- [11] Jumper, Roy & Normand, Marjorie Weiner. 1982. Vietnam. Dlm. George McTurnan Kahid (pnyt.). *Kerajaan dan Politik Asia Tenggara*. Hlm, 514. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [12] Kaye, William. 1962. A Bowl of Rice Divided: The Economy of North Vietnam. Dlm. P.J. Honey (pnyt.). *North Vietnam Today: Profile of a Communist Satellite*. Hlm, 115. New York: Frederick A. Praeger.
- [13] Kolko, Gabriel. 1995. Vietnam Since 1975: Winning a War and Losing the Peace. *Journal of Contemporary Asia* 25(1): 3-49.
- [14] Manyin, Mark E. 2005. *The Vietnam-US Normalization Process*. Congressional Research Service The Library of Congress 101 Independence Ave SE Washington, DC 20540-7500.
- [15] Marr, David G. 1971. *Vietnamese Anticolonialism 1885-1925*. Berkeley: University of California Press.
- [16] McCauley, Martin. 1995. *The Origin of Cold War 1941-1949*. New York: Addison Wesley Longman Inc.
- [17] McGee, Gale W. 1968. *The Responsibilities of World Power*. Washington D.C.: The National Press.
- [18] Nalty, Bernard C. 1996. *The Vietnam War: The History of America's Conflict in Southeast Asia*. London: Salamander Books Limited.
- [19] Nha, P.X. & Quan, L. 2014. Response of Vietnamese Private Enterprises Leader Under Global Financial Crisis: From Theoretical to Empirical Approach. *Asian Social Science*, 10(9): 26.
- [20] Pham, Thu Thuy, Bruce M. Campbell, Stephen Garnett, Heather Aslin & Hoang Minh Ha. 2010. Importance and Impacts of Intermediary Boundary Organizations in Facilitating Payment for Environmental Services in Vietnam. *Environmental Conversation* 37(1): 64-72.
- [21] Poole, Peter A. 1972. *Dien Bien Phu 1954: The Battle That Ended the First Indochina War*. New York: Franklin Watts Inc.
- [22] Ruanne, Kevin. 1998. *War and Revolution in Vietnam 1930-1975*. London: UCL Press.
- [23] Ruhanas Harun. 2004. Vietnam: Pakatan dan Perjuangan Demi Kelangsungan Negara. *Jebat* 31: 129-155.
- [24] Tan, S. 2012. *Reconsidering the Vietnamese Development Vision of "Industrialisation and Modernization by 2020"*. ZEF Working Paper Series.
- [25] Watt, Alan. 1968. *Vietnam: An Australian Analysis*. Melbourne: F. W. Cheshire Publishing.
- [26] Weinster, Franklin B. 1966. *Vietnam's Upheld Election: The Failure to Carry Out the Reunification Elections and the Effect on Hanoi Present Outlook*. Ithaca: Cornell University.
- [27] Westheider, James E. 2007. *The Vietnam War*. Connecticut: Greenwood Press.
- [28] World Bank. 2002. *Vietnam Development Report 2002: Implementing Reforms for Faster Growth and Poverty Reduction*. Washington D.C: World Bank.
- [29] World Bank. 2010. *Vietnam Development Report 2010: Modern Institutions*. Washington D.C.: World Bank.

- [30] Wright, Philip C. & Nguyen, V.T. 2000. State-owned enterprises (SOEs) In Vietnam: Perceptions of Strategic Direction for a Society in Transition. *International Journal of Public Sector Management* 13(2): 169-177.
- [31] [www.imf.org](http://www.imf.org)
- [32] [www.vietnamnet.vn](http://www.vietnamnet.vn)
- [33] [www.worldbank.org](http://www.worldbank.org)